

30 peratus pilih sekolah menengah agama swasta

2 SEP 2001

Oleh JAMHARIAH JAAFAR dan ZAINUDIN ISA

KUALA LUMPUR: Statistik Kementerian Pendidikan mendapati, kira-kira 30 peratus murid sekolah rendah, sebahagian besarnya lelaki Melayu tidak meneruskan pengajian mereka ke sekolah menengah kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kemungkinan pelajar ini berpindah ke sekolah agama swasta yang turut menyediakan kurikulum kebangsaan, tapi pada masa sama mereka diajar mengenai agama Islam dan ketidakislamnya kerajaan.

"Hampir semua mereka menyertai politik pembangkang. Mereka dikawal supaya tidak terdedah dengan penjelasan kerajaan mengenai sesuatu isu. Pengetahuan mereka dalam bidang agama cetek, tidak seperti pelajar agama dulu yang menguasai ilmu agama sebenar," katanya.

- PM dedah rancangan KMM - Muka 2
- Kongres Pendidikan Melayu - Muka 4

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengkaji memperketatkan undang-undang untuk menghalang sekolah agama swasta daripada menggunakan agama bagi menarik pelajar ke sekolah berkenaan.

Beliau berkata, kini ada golongan yang menarik pelajar ke sekolah agama swasta dengan menggunakan isu agama sedangkan tujuan mereka hanya untuk menambah pendapatan.

Golongan itu memberikan gambaran perpindahan pelajar dari sekolah kerajaan yang percuma kepada sekolah agama swasta berbayar adalah satu ibadah.

"Ini yang menjadi masalah. Orang terpengaruh dengan pendapat mereka membuat sesuatu yang baik untuk agama di dunia ini," kata beliau pada persidangan media selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu

Jangan tafsir ilmu sebagai sekular

DARI MUKA 1

Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin di sini semalam.

Dr Mahathir menyeru umat Islam terutama ulama agar tidak mentafsirkan ilmu sebagai sekular atau duniawi kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan akhirat.

"Umat Islam yang berpegang kepada ajaran agama sebenar perlu menentang pendapat yang salah ini dan harus berani menyebarkan ajaran Islam sebenar dan menuntut semua ilmu.

Perdana Menteri berkata, ada pihak tertentu tidak senang melihat pelajar Melayu belajar ilmu lain selain daripada agama, dan mungkin pihak ini ingin mempengaruhi pelajar itu untuk kepentingan mereka.

"Jika orang Melayu menjadi mun-

dur dan terus rosak, ini tidak mengapa (kepada pihak berkenaan) kerana yang lebih utama kepentingan mereka tercapai," katanya.

Ditanya mengenai cadangan mengadakan kontrak akujanji bagi guru-guru sekolah kerajaan yang ditolak Cuepacs baru-baru ini, Dr Mahathir berkata kontrak itu perlu bagi memastikan wujudnya disiplin dalam perkhidmatan perguruan.

Dalam sesuatu organisasi, jika tidak ada disiplin, matlamat sesuatu organisasi itu tidak akan tercapai, katanya.

Beliau menarik perhatian kepada sistem perkhidmatan awam sekarang yang mendapati sukar untuk menyingkirkan kakitangan kerajaan kerana prosesnya yang panjang dan mereka boleh membuat rayuan ke mahkamah di atas tindakan yang diambil.